

**Konflik Turki-Israel : Kajian Pada Era Erdogan Sebagai Perdana Menteri 2003-2014
(Turkey-Israel Conflict: A Study During Erdogan's Prime Ministership 2003-2014)**

Nur Syahirah Nor Hidayah*, Mohd Roslan Mohd Nor**

Abstrak

Republik Turki merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem sekular. Pada tahun 1945, Turki yang majoritinya masyarakat Islam telah mengakui kewujudan negara Israel dan membuat sepakatan untuk bekerjasama dari aspek politik, ekonomi dan ketenteraan. Namun, selepas tampuk pemerintahan dipegang oleh AK Parti dengan lantikan Erdogan sebagai Perdana Menteri, telah membawa pembaharuan dalam dasar luar Turki mengakibatkan berlaku perubahan terhadap kerjasama antara dua buah negara ini yang mana, telah timbul krisis-krisis antara Turki dan Israel. Tujuan utama kajian ini, untuk membincangkan perantikan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki, menganalisis dasar luar Turki yang baru diperkenalkan oleh Erdogan dan menerangkan konflik-konflik yang berlaku antara Turki dengan Israel ketika Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki. Selain itu, kajian ini menggunakan tiga kaedah iaitu kajian pengumpulan data, sumber data dan analisis data. Kaedah pengumpulan data dan sumber data diperolehi daripada kajian yang lepas. Kajian ini akan mendapati kefahaman mengenai krisis-krisis Turki dan Israel akibat dari perubahan dasar luar Turki semasa Erdogan menjadi Perdana Menteri Turki.

Kata Kunci: Krisis-krisis, Dasar Luar Turki, Perdana Menteri Erdogan

Abstract

The Republic of Turkey is a country that practices a secular system. In 1945, Turkey, with a majority of its population being Muslims, recognized the existence of Israel and made agreements to cooperate in political, economic, and military aspects. However, after the AK Party, with Erdogan as Prime Minister, came to power, there were reforms in Turkey's foreign policy that resulted in changes in the cooperation between these two countries, leading to crises between Turkey and Israel. The main objective of this study is to discuss Erdogan's appointment as Prime Minister of Turkey, analyze the new foreign policy introduced by Erdogan, and explain the conflicts that occurred between Turkey and Israel during Erdogan's tenure as Prime Minister of Turkey. Additionally, this study employs three methods, namely data collection, data sources, and data analysis. Data collection and data sources are obtained from previous studies. This research will provide an understanding of the crises between Turkey and Israel due to changes in Turkey's foreign policy during Erdogan's time as Prime Minister of Turkey.

Keywords: Crises, Turkish Foreign Policy, Prime Minister Erdogan.

*Nur Syahirah Nor Hidayah (corresponding author) PhD Candidate, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: abidaallah@gmail.com

** Mohd Roslan Mohd Nor (PhD), Professor and Head of Department, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: m_roslan@um.edu.my.

Pendahuluan

Selepas keruntuhan kerajaan Turki Islam Uthmaniyah, negara Turki telah dikenali Republik Turki yang mengamalkan pemerintahan sekular. Berdasarkan perubahan sistem pemerintahan ini, pada tahun 1949 Turki telah bekerjasama dengan Israel selepas mengiktiraf penubuhan negara Israel. Turki telah melakukan pakatan kerjasama dasar luarnya dengan Israel dari aspek politik, ketenteraan dan ekonomi.

Hubungan dasar luar ini telah berterusan sehingga pemerintahan republik Turki telah diambil alih oleh AK Parti (*Adalet ve Kalkınma Partisi*) pada tahun 2002. Semasa pemerintahan AK Parti, Recep Tayyip Erdogan telah menjadi Perdana Menteri Turki dan Erdogan telah memperkenalkan dasar luar Turki yang baru dikenali '*Strategic Depth*'. Berdasarkan dasar luar Turki yang baru ini, telah mengakibatkan berlaku dan timbulnya krisis-krisis antara Turki dengan Israel. Krisis-krisis ini berlaku akibat dari perbuatan yang dilakukan Israel yang telah membuatkan Turki merasa marah dan tidak berpuas hati.

Oleh yang demikian, artikel ini akan membahaskan mengenai krisis-krisis yang timbul antara Turki dengan Israel selepas dasar luar Turki yang baru diperkenalkan oleh Erdogan dan ketika zaman Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki.

Perlantikan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki

Erdogan telah meminati politik dari usia remaja lagi. Beliau telah menyertai gerakan politik iaitu Milli Salet. Gerakan ini telah didirikan oleh Necmetin Erbakan¹. Pada tahun 1976, Erdogan telah dilantik menjadi ketua pemuda Parti Keselamatan Nasional (MSP) di Beyoglu dan ketua pemuda di wilayah Istanbul juga². Jawatan ini disandang oleh Erdogan sehingga tahun 1980 sahaja memandangkan tentera telah terlibat di dalam campur tangan politik Turki. Pihak tentera juga, telah mengharamkan kewujudan dan penubuhan parti-parti politik pada waktu itu.

Selepas pemerintahan tentera tamat dan demokrasi dipulihkan pada tahun 1983. Sebuah parti baru telah ditubuhkan iaitu Parti Refah (RP) dan Erdogan telah menyertai parti tersebut dan beliau telah dilantik menjadi ketua RP di wilayah Istanbul. Pada tahun 1989, parti ini telah memenangi pilihanraya perbandaraan di Beyoğlu. Pada tahun 1994 pula, Erdogan telah dipilih sebagai Datuk Bandar Bandaraya Istanbul.

Semasa Erdogan menjadi Datuk Bandar, beliau telah berjaya menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di Istanbul. Hal ini, telah memberi kepercayaan rakyat Istanbul terhadap kepimpinan Erdogan. Namun, telah berlaku satu kejadian pada 12 Disember 1997 yang mana, beliau telah membacakan sebuah puisi di Siirt semasa menyampaikan ucapannya dan dikatakan puisi tersebut telah mengancam sekularisme dan telah menyebabkan Erdogan dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan³. Jawatan beliau sebagai Datuk Bandar telah dilucutkan dan Erdogan dilarang berpolitik sehingga bulan Julai 1999⁴.

¹ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*. (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd., 2012), 68.

² Ahmad Azam Ab Rahman et al., *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Selangor : PTS, 2016), 33.

³ Ahmad Azam Ab Rahman et al., *Erdogan Bukan Pejuang Islam?*, 36.

⁴ *Ibid.*, 36.

Selepas dibebaskan, beliau telah kembali aktif di dalam politik dan telah menubuhkan parti yang baru di Turki iaitu AK Parti bersama-sama dengan rakan-rakannya pada tahun 2001. Recep Tayyip Erdogan telah dilantik sebagai ketua bagi parti tersebut. Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini telah mencipta sejarah di Turki apabila telah memenangi Pilihan Raya Umum Turki sebanyak tiga kali berturut-turut iaitu pada penggal tahun 2002, 2007 dan 2011. Pada Pilihan Raya Umum Turki yang diadakan pada 3 November 2002, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan mendapat 34.3 peratus undian⁵. Dengan kejayaan ini, Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) telah dapat membentuk pemerintahan yang baru di Turki pada tahun 2002.

Berdasarkan penubuhan Parti Kemajuan dan Keadilan (AKP) ini dengan kemenangan di dalam Pilihan Raya Umum 2002, sepatutnya Erdogan dapat dilantik menjadi Perdana Menteri Turki. Namun, Erdogan tidak dapat dilantik menjadi Perdana Menteri ketika itu oleh kerana hukuman yang pernah dikenakan terhadapnya yang melarang beliau berpolitik. Setelah itu, pindaan undang-undang telah dibuat ke atas beberapa peruntukan bagi melucutkan segala tuduhan dan hukuman terhadapnya dan beliau telah dibenarkan berpolitik⁶. Setelah itu, pada tahun 2003 Erdogan telah bertanding di pilihan raya kecil yang dilakukan di tempat yang bernama Siirt, beliau telah memenangi kerusi Parlimen Turki sebanyak 85 peratus di dalam pilihan raya tersebut. Maka, pada awal Mac 2003 Recep Tayyip Erdogan telah dilantik sebagai Perdana Menteri Turki.

Dasar Luar Turki Yang Baru Diperkenalkan Oleh Perdana Menteri Erdogan

Selepas Parti Keadilan dan Pembangunan iaitu AKP (*Adalet ve Kalkınma Partisi*) memenangi pilihanraya di Turki, parti ini telah membawa kepada pemerintahan yang baru. Pembaharuan yang dilakukan dapat dilihat apabila Perdana Menteri Turki iaitu Erdogan telah membuat perubahan terutamanya dari segi dasar luar politik Turki.

Menurut Mohamad Redzuan & Mashitah⁷ di dalam kajian buku mereka mengatakan bahawa, Perdana Menteri Erdogan telah melantik Professor Dr. Ahmet Davutoğlu sebagai Menteri Luar Turki yang baru bagi memperkukuhkan hubungan luarnya dengan Negara lain. Davutoğlu dikenali sebagai perancang dalam mempengaruhi dasar luar Turki yang sebelum ini dasar luarnya, bersifat retorik berubah kepada amalan dasar yang lebih dinamik dan berorientasikan dimensi yang pelbagai⁸. Politik luar kerajaan AKP telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Strategi Intensif dan Politik Multi Dimensi. Maksud multi dimensi ini ialah Turki harus mengembangkan hubungan luar yang tidak terbatas pada kawasan barat sahaja tetapi perlu ke kawasan yang lebih luas terutama dengan Negara-negara yang masih memiliki hubungan geopolitik, kebudayaan dan sejarah dengan Turki⁹. Davutoğlu mengidentifikasikan ada dua syarat untuk Turki berjaya dalam mewujudkan strategi globalnya iaitu yang pertama, keadaan yang berkaitan dengan politik domestik yang mana Turki harus dapat menyelesaikan permasalahan minoriti masyarakat Kurdi yang menjadi pokok pangkal perdebatan Islam dan

⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015), 98.

⁶ *Ibid*, 99.

⁷ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. 138.

⁸ *Ibid*.

⁹ Syarif Taghian, *Recep Tayyip Erdogan : Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 250.

sekular yang berlangsung selama tiga dekad ini, dengan selesai permasalahan ini barulah Turki boleh menyelesaikan politik antarabangnya. Keduanya, berkaitan dengan politik antarabangsa, Dovutoğlu memperkenalkan polisi zero masalah (*zero problem policy*) dengan Negara-negara jiran iaitu Turki harus memberhentikan perselisihan faham dengan Negara jiran dan menjalinkan kerjasama dengan Negara-negara jirannya¹⁰.

Maka, disini dapat lihat pembaharuan dasar luar Turki semasa zaman Perdana Menteri Erdogan ialah dari konsep yang diperkenalkan oleh Ahmet Dovutoğlu iaitu 'Strategic Depth'. Konsep ini, merupakan pelbagai dimensi yang dipegang kepada kefahaman latar belakang sejarah dan kedudukan geopolitik Turki yang strategik. Beliau merumuskan, peranan dan dasar luar Turki sebagai sumber kekuatan bagi pembangunan politik dalam dan luar Negara Turki¹¹.

Berlatar belakangkan sejarah dan kedudukan geopolitik yang strategik dapat diterangkan disini dari perspektif sejarah, Turki memainkan peranan penting sebagai penyatu dunia Islam kerana menghubungkan kawasan Balkan, Asia Tengah dan Timur Tengah serta memiliki kekuatan utama dalam dunia Islam dan menjadi kekuatan dalam interaksi dengan Barat. Turki menggunakan potensi *Soft Power* yang dimilikinya dalam bentuk ikatan budaya dan sejarah dengan semua kawasan sekitarnya. Salah satu kekuatan dasar luar Turki ialah proses mengintegrasikan semula Negara tersebut dengan jirannya¹².

Dari konteks geografi pula, Turki berada dalam kedudukan yang unik dan strategik serta merupakan sebuah Negara yang bersaiz besar dan terletak di tengah-tengah blok Afro-Eurasia, ia disifatkan sebagai pusat kepada kepelbagaian identiti masyarakat sama ada dari Asia dan Afrika. Turki juga memiliki kepelbagaian kaum yang datang daripada pelbagai benua dan memiliki kelebihan serta pengaruh terutamanya dalam konteks politik antarabangsa. Dengan itu, kerajaan AKP ini telah berjaya menyuntik idea baharu dengan memperkenalkan polisi mengurangkan masalah dengan Negara-negara jiran¹³.

Oleh yang demikian, berdasarkan pembaharuan dasar luar ini, Dovutoğlu telah meletakkan empat prinsip utama sebagai garis panduan kepada konsep yang diperkenalkan itu¹⁴:

1. Turki akan meneruskan dasar luar Negara berdasarkan nilai dan manfaatnya iaitu Turki akan memainkan peranan penting sebagai pengantara dalam penyelesaian pelbagai konflik, menghulurkan bantuan kemanusiaan dan memberi sumbangan dalam bentuk resolusi di pelbagai isu serantau dan antarabangsa.
2. Turki meletakkan dirinya dalam proses transformasi sejarah yang besar dengan kebolehan sedia ada yang amat diyakini sebagai 'negara yang seharusnya dirujuk' atau *wise country*. Turki juga telah meningkatkan hubungan diplomatiknya dengan Negara luar dengan menambah bilangan duta ianya, sejak tahun 2010 Turki telah membuka 30 kedutaan baru di pelbagai Negara di dunia termasuk 22 Afrika, 5 di Amerika Latin dan 3 di Asia Timur.

¹⁰ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 163.

¹¹ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. 139.

¹² Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 140.

¹³ Ibid., 145.

¹⁴ Ibid., 141.

3. Dasar luar Turki dikendalikan secara autonomi dan bebas tanpa pengaruh dan tekanan kuasa lain.
4. Dasar luar Turki berasaskan visi dan wawasan untuk mewujudkan keseimbangan yang sihat di antara pengurusan krisis dan pengurusan visi contohnya, Turki berusaha menyelesaikan pelbagai konflik yang berlaku di Timur Tengah, Balkan, Caucasus dan Eropah.

Oleh yang demikian, dari pembaharuan dasar luar Turki yang baru ini. Turki telah banyak memberi impak terhadap Negara-negara jirannya. Antaranya telah memberi implikasi berdasarkan hubungan diplomatik dan politik luar Turki yang mana, Turki telah memainkan peranan di arena antarabangsa dan tidak hanya tertumpu pada benua Eropah sahaja. Turki juga telah mula meluaskan kerjasama diplomasinya dan memberi perhatian dalam menangani krisis-krisis di Asia Barat, Rusia dan Georgia, isu Pulau Cyprus dan melakukan kerjasama diplomasinya dengan Negara lain seperti Indonesia, Malaysia, India dan benua Afrika¹⁵. Perdana Menteri Erdogan juga telah melakukan rundingan dengan Negara-negara jiran seperti Azerbaijan dan Rusia supaya krisis ini tidak menular ke Negara-negara sekitar Laut Hitam¹⁶ dan juga beliau berperanan untuk menjadi orang tengah di dalam krisis di Gaza. Malah, Perdana Menteri Erdogan dan Menteri Luar Turki Ahmet Dovutoğlu telah berkunjung ke Damsyik dan Kaherah untuk memujuk Negara tersebut memberi perhatian dan bantuan kemanusiaan terhadap penduduk Gaza.

Di samping itu, berdasarkan konsep dasar luar Turki yang baru ini Turki merasakan perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam melakukan transformasi demokrasi di Timur Tengah dan Negara-negara Islam. Hal ini kerana, Turki pernah menjadi penaung kepada dunia Islam pada zaman era Kesultanan Khalifah Islam Uthmaniyah¹⁷. Dasar luar yang baru ini, Turki juga telah berusaha membina kepercayaan politik terhadap Negara-negara di rantau Timur Tengah dan Negara-negara Islam melalui ikatan budaya dan agama. Oleh yang demikian, berdasarkan konsep dan peranan yang dimainkan oleh Turki di dalam kerjasama dasar luarnya dengan Negara-negara jiran dan Negara Islam dengan menggunakan istilah '*zero problem*' telah memberi kesan negatif terhadap kerjasama Turki dengan Israel terutama dalam isu Palestin. Oleh itu, telah timbul dan berlaku beberapa isu yang membuatkan Turki mengurangkan tahap kerjasamanya dengan Israel.

Krisis-krisis yang berlaku antara Turki dengan Israel ketika Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki.

Selepas pelantikan Erdogan sebagai Perdana Menteri Turki beliau telah melakukan pembaharuan terhadap dasar luar Turki dan sekali gus telah menggugat hubungan dasar luar Turki dengan Israel dan telah menyebabkan timbul beberapa konflik antara Turki dengan Israel. Antaranya ialah :

¹⁵ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 145.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*, 146.

a) Isu Serangan Israel Terhadap Gaza

Hubungan Turki dan Israel menjadi semakin teruk akibat dari perlakuan Israel terhadap Gaza. Menurut pendapat Khalis & Roslan¹⁸ dalam kajian mereka, Operasi *Cast Lead* yang dilancarkan oleh Israel terhadap Gaza merupakan titik mula kemerosotan hubungan dua hala antara Turki dan Israel yang lebih serius. Serangan ini bermula pada 27 Disember 2008 dan berpanjangan selama tiga minggu.

Perdana Menteri Erdogan kecewa dengan tragedi tersebut disebabkan dua hari sebelum serangan ke atas Gaza, Turki telah menerima kunjungan daripada Perdana Menteri Israel yang mana, kunjungan tersebut Turki menjadi orang tengah bagi rundingan damai antara Syria dan Israel¹⁹. Menurut Ahmad Dzakirin²⁰ (2012) dalam bukunya, Turki merasa dikhianati ketika negara tersebut bertindak sebagai fasilitator pembicaraan damai Israel-Syria di mana, serangan itu terjadi selepas dua hari setelah Erdogan dan Olmert bertemu di Ankara. Erdogan telah melontarkan kritikan pedas terhadap Israel dan mengatakan bahawa serangan tentera Israel di Semenanjung Gaza pada waktu itu adalah pengganas. Beliau juga, meminta Israel bertanggungjawab di atas kezaliman yang dilakukan²¹. Malah, pada waktu itu rakyat Turki telah membuat demonstrasi untuk menunjukkan perasaan terhadap kezaliman Israel.

b) Forum Ekonomi Dunia Di Davos

Selepas tragedi serangan ke atas Gaza, hubungan Turki dan Israel semakin merosot. Pada 29 Januari 2009 di dalam sebuah Forum Ekonomi Dunia di Davos, Erdogan telah berdebat dengan Shimon Peres mengenai isu kekejaman Israel di Gaza dan disebabkan sikap biadab kata-kata Shimon Peres, serta ketidakadilan David Ignatius seorang wartawan *Washington Post* yang memimpin forum tersebut memberhentikan Erdogan untuk membalas jawab terhadap Shimon Peres, telah membuatkan Erdogan meninggalkan persidangan tersebut. Selepas peristiwa ini berlaku, Shimon Peres telah meminta maaf terhadap Erdogan²².

c) Peristiwa Kapal Mavi Marmara

Tragedi *Mavi Marmara* yang telah berlaku pada 31 Mei 2010 yang mana, kapal tersebut telah membawa sukarelawan untuk misi *Freedom Flotilla* bagi memberi bantuan kepada Gaza. Pada tanggal tersebut, Israel telah menyerang kapal tersebut dan seramai 9 orang sukarelawan terbunuh manakala 53 orang yang lain cedera²³. Sebahagian yang terbunuh adalah sukarelawan dari Turki. Serangan Israel ini telah membawa perubahan kepada politik Turki terhadap Israel²⁴. Pada 2 September 2011, Turki telah mengurangkan hubungan diplomatik dengan Israel oleh kerana Israel tidak bersedia meminta maaf kepada Turki, membayar

¹⁸ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(1), (2018), 7.

¹⁹ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 457.

²⁰ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 204.

²¹ Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 458.

²² Syarif Taghian (Eds.). *Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*, 465- 470.

²³ Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza, 11.

²⁴ Syarif Taghian (Eds.).

pampasan dan menarik sekatan laut ke atas Gaza²⁵. Duta Israel telah diusir dari Turki dan duta Turki di Israel dipanggil pulang ke Turki²⁶.

d) Latihan Ketenteraan (Helang Anatoli)

Menurut pendapat Amalia²⁷ didalam artikelnya, Turki dan Israel telah bersepakat bekerjasama dalam latihan ketenteraan atau dikenali *Military Training Cooperation Agreement* (MTCA) pada tahun 1996. Didalam perjanjian tersebut Turki dan Israel akan melakukan latihan ketenteraan bersama. Namun, pada tahun 2009 telah diadakan latihan perang berkod 'Reliant Mermaid X' antara Israel, Turki dan A.S (NATO) di kawasan Mediterranean dan latihan tersebut harus diberhentikan sejak Turki memutuskan kerjasama ketenteraan dengan Israel²⁸.

Erdogan telah menolak sebanyak dua kali pada tahun 2009 dan 2010 terhadap penyertaan Israel dalam beberapa latihan tentera Helang Anatoli yang diadakan setiap tahun. Ia merupakan latihan tentera terpenting dan terbesar merangkumi tiga Negara iaitu Turki, Israel dan NATO. Selama dua tahun berturut-turut Turki menolak Israel turut serta dalam latihan tersebut yang diadakan di pangkalan udara Helang Anatoli dan tema latihan tersebut dinamakan Helang Anatoli. Hal ini terjadi kerana, serangan Israel terhadap konvoi kapal Mavi Marmara untuk misi bantuan ke Gaza. Perdana Menteri Erdogan telah mengatakan dalam wawancara di sebuah televisyen *Qanah al-Arabiyyah* bahawa faktor yang mendorong hal ini berlaku adalah disebabkan Israel telah melakukan kejahatan luar biasa terhadap rakyat Palestin di Gaza²⁹.

Kesimpulan

Negara Turki yang sebelum ini bekerjasama dengan Israel semenjak Turki mengakui kewujudan Negara Israel dari tahun 1949 lagi. Namun, apabila tampuk pemerintahan telah dipegang oleh AKP dan Recep Tayyip Erdogan dilantik menjadi sebagai Perdana Menteri Turki, beliau telah memperkenalkan dasar luar Turki yang baru. Konsep 'zero problem' yang digunakan oleh Turki ini telah membuatkan berkurangnya tahap kerjasama Turki dengan Israel. Hal ini berlaku disebabkan, Israel telah melakukan perkara yang tidak memuaskan Turki terutama kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh Israel terhadap Palestin. Kerjasama diplomatik yang dibuat oleh Turki dengan Negara-negara Arab dan Negara-negara jirannya telah membuatkan Turki marah dan tidak berpuas hati dengan tindakan yang dilakukan oleh Israel.

Oleh yang demikian, telah timbul beberapa krisis-krisis antara Turki dengan Israel akibat dari perbuatan pihak Israel itu sendiri terhadap Negara yang telah Turki bekerjasama terutama Palestin. Krisis-krisis ini, telah membuatkan hubungan diplomatik Turki dengan Israel semakin berkurang. Namun, kerjasama antara Turki dan Israel masih lagi dikekalkan diatas

²⁵ Ahmad Dzakirin (Eds.). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*, 205.

²⁶ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. *Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan*, 8.

²⁷ Amalia Putri Handayani. *Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010*, 10.

²⁸ Amalia Putri Handayani. *Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010*, 10.

²⁹ *Ibid.*, 463.

aspek yang memberi keberuntungan pada mereka sama ada pada pihak Negara Turki atau kepada pihak Israel.

Rujukan

- Ahmad Azam Ab Rahman et al., *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Selangor : PTS, 2016)
- Abadi, J. (1995). Israel and Turkey: From Covert to Overt Relations. *Journal of Conflict Studies*. 15(2).
- Ahmad Dzakirin (Eds.). (2012). *Kebangkitan Gerakan Islam: Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Ahmad Syahrul (2017) *Normalisasi Hubungan Turki Dengan Israel Paska Tragedi Mavi Marmara 2016*. Master thesis, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Allison Good (2014) *East Mediterranean Natural Gas and Israel's Regional Foreign Policy*. Master thesis, The George Washington University.
- Amalia Putri Handayani. (2012). Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer dengan Israel Tahun 2010. *Jurnal Transnasional*. 3(2), 1-20.
- Andraina Ary Fericandra. (2016). Ambivalensi Implementasi Neo-Ottomanisme dalam Kebijakan Luar Negeri Turki terhadap Israel (2009-2014). *Jurnal Hubungan Internasional*. 9(1), 153-172.
- Antonius Pramudya Adityas. (2017). Serangan Israel terhadap Kapal Bantuan Kemanusiaan Mavi Marmara Tahun 2010. *Journal of International Relations*. 3(1), 59-69.
- Efraim Inbar. (2010). Israeli-Turkish Tensions and Beyond. *Israel Journal of Foreign Affairs*. 4(1), 27-35.
- Eyal Berelovich. (2014). Turkish-Israeli Military Relations and Security Cooperation. *Turkish Review*. 4(6), 616-624. Diperolehi pada 9 Oktober 2019 daripada https://www.researchgate.net/publication/310426533_Turkish-Israeli_military_relations_and_security_cooperation
- Kemal H. Karpat. (1975). *Turkey's Foreign Policy in Transtition 1950-1974*. Netherlands: E.J Brill.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. (2015). *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. (2018). Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(1), 1-14.

Muhammad Zikril Aziz. (2018). Normalisasi Hubungan Diplomatik Turki-Israel Tahun 2016. *JOM FISIP*. 5(1), 1-15.

Murat Yeşiltaş. (2014). The New Era in Turkish Foreign Policy: Critiques and Challenges. *Insight Turkey*. 16(3), 25-36..

Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza. *International Journal of West Asian Studies*. 8(1), 7-17.

Syarif Taghian (Eds.). (2013). Recep Tayyip Erdogan: Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.

Tolga Turan. (2008) *Turkish Foreign Policy Towards Israel: The Implications Of Turkey's Relations With The West*. Master thesis, Middle East Technical University.